



## **KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **SIARAN AKHBAR**

#### **PERUBAHAN KADAR-KADAR DUTI IMPORT KASTAM DAN EKSAIS BERKUATKUASA 17 MEI 2023**

Kementerian Kewangan dan Ekonomi hari ini mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyesuaian dan perubahan kepada kadar-kadar duti import kastam dan eksais yang akan berkuatkuasa mulai 17 Mei 2023.

1. Objektif pindaan kepada kadar duti import kastam dan eksais ini antaranya adalah bagi mengemaskinikan struktur duti barangan di Negara ini dengan *ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN) 2022 dan bagi meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan Negara di samping memenuhi komitmen-komitmen tertentu di bawah Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) dengan beberapa negara sama ada secara dua hala atau berbagai hala. Pengemaskinian kadar duti import kastam dan eksais ini juga turut menyasarkan kepada beberapa produk tertentu yang mempunyai beberapa matlamat, antaranya; mengawal penggunaan barangan tertentu bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini, penjimatan tenaga bagi mengurangkan jejak karbon di Negara Brunei Darussalam, dan pada masa yang sama untuk membantu dalam mengurangkan harga bagi sebahagian barangan pengguna.
2. Maklumat lanjut mengenai perubahan kadar-kadar duti ini boleh diperolehi daripada [www.bdnew.mofe.gov.bn](http://www.bdnew.mofe.gov.bn) atau [www.tradingcrossborders.mofe.gov.bn](http://www.tradingcrossborders.mofe.gov.bn).
3. Senarai barang-barang yang terkandung dalam perubahan tersebut adalah seperti berikut:

Bab / Headings	Keterangan Barangan	Sebelum 17 Mei 2023		Bermula 17 Mei 2023	
		Import	Eksais	Import	Eksais
22	Minuman manis dan berperisa (sedia untuk diminum)	0%	\$4/dal (tinggi gula) Nil (rendah gula)	0%	\$4/dal
24	Jus/cecair/gel e-rokok dan vape	0%	100%	0%	\$3.00/ml
33	Minyak pati dan resinoid; minyak wangi, kosmetik atau produk-produk yang digunakan bagi wangian badan seperti deodoran	0%	5% 0%	5%	0%
39	Bahan mentah plastik, beg plastik dan bekas makanan plastik pakai buang	0%	3%	0%	\$5.00/kg
42	Barangan yang diperbuat daripada kulit; beg	0%	5%	5%	0%
46.02	Barangan termasuk bakul dan rotan yang diperbuat dari bahan anyaman	0%	0%	5%	0%
57	Karpet dan seumpamanya	0%	5%	5%	0%
63	Barangan tekstil ( <i>tarpaulins, awnings</i> , pelindung matahari, khemah, kain pembersih habuk dan seumpamanya)	0%	0%	5%	0%
65	Barangan topi, songkok dan anak tudung	0%	10% 0%	10%	0%
71	Mutiara, berlian, batu dan logam berharga termasuk barangan kemas; syiling	0%	15%	15%	0%
84.26 84.27 84.31	Jentera berat termasuk alat ganti	0%	0%	0%	5%
84.30	Pelantar kekal bagi keperluan eksplorasi minyak dan gas	0%	5%	5%	0%
84.81	Paip, injap dan peralatan serupa	0%	0%	2.5%	0%
85.12	Peralatan isyarat bunyi	0%	5% 0%	0%	5%
85.23	Cakera padat, pita dan seumpamanya	5%	0%	0%	0%
85.39	Mentol lampu bukan LED termasuk alat ganti	0%	5%	0%	15%
85.43	Peranti e-rokok dan vape (termasuk alat ganti)	Nil	100% (8543.70.90) 5%	Nil	100% (8543.40.00) 5%
85.49	Sisa dan bahan buangan elektrik dan elektronik	0%	20% 5% 0%	0%	0% (Ditegah)
87.02	Kenderaan bermotor yang dapat membawa 10 orang atau lebih termasuk pemandunya	0%	9.25% - 41.75% (CKD & CBU)	0%	15% (CKD & CBU)
87.03	Kereta dan kenderaan bermotor lainnya yang membawa kurang daripada 10 orang termasuk pemandunya	0%	9.25% - 41.75% (CKD & CBU)	0%	15% (CKD) 10% - 45% (CBU)
87.11	Motosikal berkuasa tinggi, <i>Completely Built Up</i> (CBU)	0%	20%	0%	30% (501cc - 800cc) 35% (melebihi 800cc)
88	Pesawat tanpa pemandu (termasuk alat ganti)	0%	10% 5%	0%	10%
89.05	Pelantar terapung bagi keperluan eksplorasi minyak dan gas	0%	0%	5%	0%
94	Set lengkap pencahayaan yang direka bukan untuk LED	5%	0%	15%	0%
95.06	Peralatan ski ais, sukan air dan golf	0%	0%	5%	0%

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam di talian 2382361 (semasa waktu pejabat) atau e-mel kepada [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn).

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 24 Syawal 1444  
15 Mei 2023